



RESOLUSI

MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026



HUBUNGI KAMI:

Admin Sistem

Info@multaqaalmaarif.com

RESOLUSI

MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026

BARISAN FELO SISTEM

MULTAQA AL-MA'ARIF POINT

BUTIRAN

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

Hari : Sabtu

Tarikh : 4 April 2026

Waktu : 21:30 – 23:02

Platform : Dalam talian, Streamyard

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Kata Alu-Aluan Ketua Eksekutif Felo	5
Petunjuk Mawqif:	7
Agenda 1:	
ISU MEMIJAK MUSHAF AL-QURAN AL-KARIM	8
Agenda 2:	
PENDIRIAN UMAT ISLAM: IRAN VS ISRAEL/AMERIKA SYARIKAT	10
Agenda 3:	
KENYATAAN MEMASTIKAN (JAZM) SESEORANG MATI SYAHID	14
Agenda 4:	
HUKUM PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT PADA HARI RAYA	17
Agenda 5:	
KAEDAH PENETAPAN BULAN HIJRI BAHARU	19
Agenda 6:	
MENGGABUNGKAN PUASA 6 SYAWAL DENGAN PUASA QADA'	20
Agenda 7:	
HUKUM BERMAIN MERCUN (KONTEKS: UMUM/HARI RAYA)	22
Agenda 8:	
SOALAN: ZAKAT FITRAH TAK SAH JIKA MAKAN BASMATHI	26
Agenda 9:	
HUKUM BAYAR ZAKAT BUAT PIHAK BUKAN TANGGUNGAN	27
Agenda 10:	
DERMA DARAH KETIKA BERPUASA, BATAL ATAU TIDAK	28
Agenda 11:	
STATUS HADITH TANDA-TANDA LAYLATUL QADAR	30
Agenda 12:	
ALTERNATIF HADITH DA'IF FADILAT BERSEDEKAH	31

Agenda 13:

DALIL SUAMI WAJIB MEMBERI PAKAIAN BAHARU SETIAP 6 BULAN 32

Agenda 14:

MUSAFIR NIAT JAMA' TA'KHIR & TIBA DI LOKASI LEBIH AWAL 34

Rujukan 35

KATA ALU-ALUAN KETUA EKSEKUTIF FELO SISTEM

Ketua Eksekutif Felo

BARISAN FELO SISTEM MULTAQQA AL-MA'ARIF



**AL-USTAZ ABU MUSLIM
SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM**
FELO UTAMA
FELO KANAN (HADITH/AKIDAH)
CALON PHD HADITH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Segala puji bagi Allah 'azza wa Jalla, Pencipta sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga Baginda ﷺ, para Sahabat dan orang yang mengikuti jejak langkah mereka dengan baik.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Ilahi, saya merakamkan penghargaan atas penerbitan Resolusi Mawqif Mesyuarat Mawqif Bil. 01, yang menjadi manifestasi kesungguhan dalam meneliti, membahaskan dan merumuskan pendirian terhadap isu-isu semasa berteraskan disiplin ilmu yang sahih dan pendekatan yang berautoriti.

Resolusi ini bukan sekadar catatan perbincangan, bahkan merupakan natijah daripada proses ijtihad jama'i yang mempertimbangkan dalil-dalil syarak, realiti semasa serta maqasid yang seimbang. Ia diharapkan dapat menjadi panduan yang jelas kepada masyarakat serta rujukan yang diyakini dalam menghadapi pelbagai persoalan yang timbul.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa, para penyelidik, serta semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan mesyuarat ini. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan mencerminkan amanah besar dalam memelihara ketepatan ilmu dan kejelasan pendirian.

Akhir kata, semoga resolusi yang dihasilkan ini diberkati oleh Allah ‘azza wa Jalla, diterima sebagai amal soleh, serta memberi manfaat yang luas kepada umat. Mudah-mudahan segala usaha ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kecil dalam memperkukuhkan kefahaman agama dan membimbing masyarakat ke arah kebenaran.

Sekian, Jazākumullāh Khayrā.



SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM

PETUNJUK MAWQIF

MM : Mesyuarat Mawqif

01 : Bil. 01

01 : Mawqif ke-01

04 : Tarikh MM

04 : Bulan MM

26 : Tahun MM

KEPUTUSAN:

Barisan Felo memutuskan tidak ada dalil khusus yang mewajibkan golongan suami memberi pakaian baharu setiap enam bulan kepada golongan isteri.

Nombor Siri Mawqif:

MM/01/9 (04/04/26)

Penjelasan:

Tidak ada dalil al-Quran atau al-Sunnah yang khusus perihal persoalan yang diutarakan ini. Berdasarkan al-Mu'jam al-Wasīṭ, al-nafaqah bermakna segala yang dibelanjakan seperti wang dan seumpamanya, serta bekalan. Ia juga merujuk kepada sesuatu yang diwajibkan ke atas suami terhadap isterinya daripada harta, makanan, pakaian, tempat tinggal, penjagaan dan lain-lain.

Antara dalil-dalil yang menjelaskan kewajipan menyampaikan nakfah ini adalah seperti berikut:

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّنْ سَعَتِهِ ۗ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ ۚ لَا يَكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا ۗ سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Maksud: “Hendaklah orang yang mempunyai kelapangan (rezeki) membelanjakan menurut kelapangannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia membelanjakan daripada apa yang telah diberikan oleh Allah kepadanya. Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang telah diberikan-Nya. Allah kelak akan mengadakan selepas kesempitan itu suatu kemudahan.”

(QS Talāq: 7)

Dalil dari al-Sunnah pula adalah hadith daripada Jābir bin ‘Abd Allāh yang mengatakan baginda ﷺ bersabda:

فَاتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ، فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانِ اللَّهِ، وَاسْتَحْلَلْتُمْ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ وَلَكُمْ عَلَيْهِنَّ أَنْ لَا يُوطِئَنَّ فُرْشَكُمْ أَحَدًا تَكَرُّهُنَّ، فَإِنْ فَعَلَنْ ذَلِكَ فَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرَحٍ، وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksud: “*Maka bertakwalah kamu kepada Allah dalam urusan wanita. Sesungguhnya kamu telah mengambil mereka dengan amanah daripada Allah, dan kamu telah menghalalkan kemaluan mereka dengan kalimah Allah (akad yang sah). Dan bagi kamu ke atas mereka ialah agar mereka tidak membenarkan sesiapa yang kamu tidak sukai untuk berada di tempat tidur kamu. Sekiranya mereka melakukan demikian, maka hendaklah kamu menegur mereka dengan pukulan yang tidak memudaratkan (tidak mencederakan). Dan bagi mereka pula ke atas kamu ialah hak untuk mendapatkan rezeki (nafkah) dan pakaian dengan cara yang makruf (sepatutnya).*”

(HR. Muslim dalam *al-Ṣaḥīḥ* no. 1218)

Adapun berkenaan kekerapan pemberian pakaian kepada isteri, hal ini adalah bergantung kepada ‘urf (kebiasaan) setempat. Walau bagaimanapun, hendaklah suami memastikan bahawa pakaian yang disediakan adalah mencukupi mengikut keperluan, sesuai dengan keadaan, serta tidak membawa kepada pembaziran.

Cadangan:

Barisan Felo mencadangkan agar umat Islam mengamalkan kehidupan yang bersederhana, khususnya dalam aspek pemakaian. Pembaziran hendaklah dielakkan, dan setiap pakaian yang dimiliki wajar dimanfaatkan secara optimum selaras dengan prinsip kesederhanaan dan tuntutan syarak.

